


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi mahu peraturan landing dikaji

Berita Harian, 30 October 1992, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL18936

Printer-Friendly Page

Persisi mahu peraturan tanding dikaji

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) mahu beberapa peraturan dalam silat olahraga dikaji semula.

Ia berdasarkan pandangan naib ketua delegasi Singapura ke Kejuaraan Pencak Silat Jemputan Brunei pada awal

bulan ini, Haji Abdul Rahman Ismail.

Sambil enggan menyebutkan nama negara pesilat-pesilat berkenaan, Haji Abdul Rahman yang juga presiden Persisi, berkata:

“Mereka sering menendang dan menyepak bahagian-bahagian lawan yang tidak memberikan markah. Tujuan mereka ialah melemahkan lawan melalui tendangan-tendangan tersebut.

“Akibatnya, seni silat itu tidak kelihatan langsung dan mereka seolah-olah seperti berlawan dalam seni mempertahankan diri yang lain.”

Menurut beliau lagi, para pesilat negara tersebut gemar menendang paha dan betis lawan yang kadang-kadang boleh mencederakan.

Tidak ada markah yang diberikan untuk tendangan sedemikian sebab markah hanya diberikan jika pukulan atau tendangan mengenai bahagian badan yang dilindungi vest keselamatan.

Para pesilat negara terse-

but yang gemar membuat tendangan sedemikian, katanya lagi, telah tidak dikenakan penalti kerana peraturan yang ada sekarang tidak

SILAT

**menyentun perouatan sede-
mikian.**

**Haji Abdul Rahman me-
nambah, Persisi akan menge-
tengahkan perkara itu
kepada Persatuan Silat An-
tarabangsa (Persilat) yang
berpangkalan di Jakarta apa-
bila Indonesia menganjurkan
Kejohanan Silat Sedunia pa-
da Disember ini.**

**“Kami harap Persilat
akan menyemak semula per-
aturan silat olahraga dan da-
pat melakukan sesuatu demi
menjaga kesenian pencak si-
lat,” katanya.**

**Sementara itu, setiausaha
agung Persisi, Haji Sarkawai
Haji Masom, memberitahu
bahawa peluang pesilat
Singapura menguji bakat dan
keupayaan di peringkat anta-
rabangsa sebelum Suka SEA
1993 masih ada melalui pe-
nyertaan Kejohanan Silat Se-
dunia yang dijadualkan
berlangsung di Jakarta dari
13 hingga 19 Disember ini.**

**Di samping itu, sebagai
sebahagian daripada persiap-
an untuk menghadapi Sukan
SEA nanti, Persisi akan me-
ngadakan latihan pusat un-
tuk para pesilat yang terpilih
mewakili Singapura.**